



UPACHARA PEMBUKAAN RESMI BANGUNAN2 BAHARU

SEKOLAH2 MELAYU DI BRUNEI

DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN, SIR OMAR ALI SAIFUDDIN telah menyampurnakan pembukaan resmi 8 buah bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu di Brunei yang telah selesai dibina dibawah Rancangan Perkembangan Lima Tahun, pada bulan July yang lalu.

Sekolah2 itu ialah Sekolah2 Melayu Berakas, Sungai Hanching, Masin, Pengkalan Batu, Batu Apoi, Bunut, Birau, dan Kasat.

Sabuah lagi bangunan baharu Sekolah Melayu, iaitu Sekolah Melayu Jerudong, akan dibukakan dengan resminya oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada hari Sabtu 3 August, 1957.

WAKIL2 BRUNEI KA PERKEMAHAN PENGAKAP2 SELUROH DUNIA

DI ENGLAND

Persatuan Pengakap Negeri Brunei telah memilih 6 orang Pengakap2 dari Negeri ini untuk menghadziri temasha Perkemahan Pengakap2 seluruh Dunia yang akan dilangsungkan di England pada awal bulan ini.

Mereka-itu ialah Jalil bin Marsal, Ng Chien Hwa, Ibrahim bin Mohamed, Omar bin Johari, Matthew Samy dan Jimmy Tiernan. Jimmy Tiernan telah berangkat ka England bersama2 dengan Ibu dan ayahnya pada pertengahan bulan July yang lalu, manakala 5 orang lagi Pengakap2 itu telah berangkat ka England dengan kapal terbang pada hari Juma'at 26 July.

Menurut kapada ranchangan yang telah dijadualkan, kelima2 orang Pengakap2 tersebut akan berlepas balek ka Brunei dari England dengan kapal terbang pada 10 September, 1957 dan tiba di Brunei pada 14 September.

Pada pagi hari Ahad 21 July, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyampaikan Panji2 Negeri Brunei kepada rombongan Pengakap2 tersebut dalam satu istiadat berbaris di Jalan Elizabeth Yang Kedua, iaitu berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan di Bandar Brunei. Kira2 500 orang Pengakap2, Pengakap2 Perempuan, Pengakap2 Laut dan Pasokan2 Anak2 Serigala dari seluruh Negeri Brunei telah mengambil bahagian.

DYMM SULTAN MENJADI TETAMU KHAS KA TEMASHA

PERAYAAN MALAYA MERDEKA DI K.L.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., akan menjadi seorang tetamu khas ka temasha perayaan Malaya Merdeka yang akan dilangsungkan di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu pada penghujung bulan ini.

Baginda akan berangkat ka Malaya dari Brunei dengan kapal terbang pada 29 August, dengan diiringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, D.K., S.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E., dan Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, D.K., S.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.

Menurut kepada satu puncha yang resmi, satu jemputan khas telah dihantarkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan juga kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri. Tetapi Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri tidaklah dapat berangkat bersama2 Baginda.

LAWATAN BAGINDA KA UNITED KINGDOM

Duli Yang Maha Mulia akan berada di Malaya lebeh kurang selama saminggu. Kemudian Baginda akan balek ka Singapura pada 3 September, 1957.

Dari Singapura Baginda akan meneruskan perjalanan-nya ka United Kingdom dan ka Eropah. Diantara tempat2 yang Baginda akan lawati di Eropah ialah Bandar2 Rome, Paris, Zurich dan lain2nya.

Baginda akan berangkat dari Singapura dengan kapal terbang pada 4 September dan akan berada diluar negeri selama kira2 tiga bulan.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-iringi dalam masa lawatan tersebut oleh Setia Usaha Sulit kepada Baginda Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Yang Mulia Pengiran Anak Haji Ismail dan Yang Berhormat Pengiran Mohar d Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

WAKIL2 BRUNEI KA PERAYAAN MALAYA MERDEKA

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha akan mengetuai rombongan Brunei ka temasha perayaan Malaya Merdeka yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 31 August, 1957.

Bersama2 Yang Teramat Mulia itu ialah Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Mereka akan bertolak dari Brunei ka Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 29 August, 1957.

Satu rombongan yang akan mengiringkan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka Malaya akan berlepas dari Brunei dengan kapal laut pada 14 August, 1957. Diantara-nya ialah Pengiran Anak Kemaludin, Pehin Khatib Haji Ali Hussain, Pengiran Anak Umar Ali dan beberapa orang lagi.

PEJABAT2 CUSTOM DAN MARINE DI BANDAR BRUNEI

Pejabat2 Custom dan Marine di Bandar Brunei telah berpindah ka bangunan baharu mereka mulai dari hari Khamis 1 August, 1957.

WAKIL2 BRUNEI KA PERSIDANGAN PERSEKUTUAN PARLIMEN

JAJAHAN TA'LOK

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berkenan melantek Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud sebagai Pemerhati2 dari Brunei ka Persidangan Persekutuan Parlimen Jajahan Ta'lok British yang akan dilangsungkan di Kuala Lumpur pada 29 August, 1957.

Mereka akan bertolak dari Brunei dengan kapal terbang ka Kuala Lumpur pada 27 August, 1957.

Yang Berhormat Pengiran Ali akan balek ka Brunei pada 7 September, 1957 manakala Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf pula akan meneruskan perjalanan-nya ka United Kingdom dan ka Eropah kerana mengiringkan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

KESAH PEMBUKAAN RESMI SABUAH SEKOLAH MELAYU

Kesah pembukaan resmi bangunan baharu Sekolah Melayu Masin, diDaerah Brunei yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baharu2 ini adalah menarek perhatian.

Che'gu Besar bin Serudin, Guru Besar Sekolah tersebut tatkala memberi laporan tentang kemajuan Sekolah itu menerangkan bahawa dia sangat sukachita dan berterima kaseh kapada Kerajaan yang telah mengambil berat atas kemajuan Sekolah Masin. Ditapak bangunan sekolah yang baharu itu, katanya, ialah bekas kawasan paya yang lumpur diman kerbau2 dikampong itu biasa berkubang, dan barang siapa hendak melalui tempat itu terpaksa ia menaiki kerbau.

Tapi kini telah bertukar dimana sabuah bangunan sekolah yang indah telah terdiri, tegas Che'gu Besar bin Serudin, dalam mana Padang permainan murid2 telah dibuat supaya dapatlah murid2 bermain2 bola, bersenam dan lain2nya.

Yang lebeh2 menarek perhatian, katanya, ialah tentang kerajinan murid2 belajar, diantara-nya terdapat saorang murid yang ter-tua sekali dikawasan itu. Murid yang tua ini telah pun berangkat ka Tanah Suchi. Ia telah beristeri dan mempunyai beberapa orang anak, saorang daripadanya sudah pun bersekolah.

Menurut keterangan Guru Besar Sekolah Masin itu, orang tua tersebut dan anaknya sangatlah rajin belajar pada setiap hari.

Untuk pengetahuan orang2 ramai, Kampong Masin ialah sabuah kampong di Ulu Sungei Brunei dan jauhnya dari Bandar Brunei ialah kira2 15 batu. Pekerjaan penduduk2nya ialah kebanyakannya berchuchok tanam dan berternak hidup2an.

PERTUNJOKAN TANAM2AN SA-NEGERI

Pertunjokan Tanam2an Sa-Negeri Brunei akan dilangsungkan di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Pekan Brunei pada hari Sabtu 21 September, 1957.

Barang siapa yang berhajat hendak menghantarkan barang2 mereka untuk dipertunjokan pada masa pertunjokan itu, adalah diperingatkan supaya mereka menyediakan barang2 mereka dengan sabarpa segera.

PERTANDINGAN BACHAAN AL-KORAN

Pertandingan Bachaan Koran Al-Karim bagi Daerah Brunei dibawah anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah dilangsungkan dengan sempurna-nya diMasjid Pekan Brunei pada hari Ahad 28 July, 1957.

Ramai bilangan orang2 tua, murid2 sekolah lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dan keputusan-nya adalah seperti berikut:

Orang2 tua bahagian "B" - 1. Awangku Muhidi bin Pengiran Umar 2. Besar bin Yahya, 3. Mohammed Salleh bin Timbang dan Abdullah bin Osman.

Murid2 lelaki 1. Ismail bin Haji Abdul Rahim 2. Ashhari bin Mohammed Salleh 3. Othman bin Yakob dan Abdul Wahab.

Murid2 perempuan: 1. Zakiah binte Abdul Razak 2. Hasmah binte Umar dan 3. Rambunai binte Abu Bakar.

Pertandingan itu telah dihakimkan oleh Awang Umar bin Randah, Inche' Mohammed Yassin, Pehin Khatib Haji Matali, Che'gu Marzuki, Pehin Udana Khatib dan Mudim Haji Adnan.

Orang2 yang berjaya dalam pertandingan orang2 tua bahagian "B" akan masuk bertanding dalam pertandingan diantara orang2 tua bahagian "A" diMasjid Pekan Brunei pada petang 6 August. Chalon2 yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam pertandingan itu akan dipilih mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan Sa-Negeri pada pagi hari Ahad 11 August bertempat diMasjid Pekan Brunei.

Begitu juga kanak2 lelaki dan perempuan yang menjadi Johan dan Naib Johan akan dipilih mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan Sa-Negeri diMasjid Pekan Brunei pada pagi 11 August, 1957.

JAWATAN SENIOR KATHI BELAIT

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melantek Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omarali, Pegawai Daerah Kuala Belait, memangku jawatan sebagai Senior Kathi Belait, selain daripada jawatan-nya mulai dari 9 July, 1957 pada masa Senior Kathi Belait, Abang Razalli bin Abang Haji Zainuddin berchuti.

DERMA KAPADA KEBAKARAN DI KAMPONG AYER

Derma sebanyak \$ 708.00 telah dihadihkan kepada Junid bin Basar, seorang kelasi di Jabatan Marine, Bandar Brunei pada hari Thalatha 30 July, 1957 oleh kerana rumah-nya di Kampong Setia Pahlawan, Kampong Ayer telah terbakar hangus pada pukul 4.00 pagi 21 July yang lalu, dalam mana kerugian telah ditaksirkan sebanyak \$ 10,000.00

Pihak2 yang telah mengeluarkan derma itu ialah : Anggota2 dari Pejabat Custom, menerusi Pengiran Damit sebanyak \$ 172.00 ; Anggota dari Pejabat Marine dan Pegawai2 serta kelasi2 kapal "Mantis", menerusi Serang Awang dan Pengiran Mohamed sebanyak \$ 486.00 ; dan Mrs. Mutton, iaitu isteri kapada State Marine Officer, Mr. E.H. Mutton sebanyak \$ 50.00

JEMA'AH2 HAJI BALEK KA BRUNEI

Seramai 75 orang daripada 115 orang jema'ah2 Haji dari Brunei akan balek dari Mekah melalui Singapura dan Labuan pada 6 August, 57.

PEMBICHARA'AN MENGENAI PEMBUNOHAN DI KAMPONG AYER

Untak bin Haji Ajak, berumur 32 tahun, telah didapati salah kerana melakukan pembunuhan keatas Awang Kijang bin Mat Arsad, tetapi perbuatan-nya itu telah dilakukan dengan tidak senghaja. Demikian keputusan yang telah diperolehi dalam pembichara'an yang telah dilangsungkan diMahkamah Besar diBandar Brunei pada 22 dan 23 July yang lalu, dihadapan Tuan Hakim Bodley.

Pembunuhan itu telah berlaku diKampung Ujong Bukit, Kampung Ayer, Brunei sabelum terbit mata-hari pada 8 May, 1957.

Tuan Hakim Bodley telah mengeluarkan perintah supaya Untak ditahankan diPenjara Jerudong sahingga menunggu Tuan British Resident mengeluarkan perintah memindahkan-nya ka Rumah Sakit Gila di Kuching. Ia kelak dibebaskan setelah penyakit hilang fikiran-nya itu semboh.

Mr. D. MacGilligan telah menjalankan penda'waan bagi pehak Kerajaan, manakala Mr. Reddi telah membela Untak. Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Inche' Ali Khan telah menjadi Pengapit Hakim. Inche' Mohamed Noor bin Aston dan Mr. Wong Ah Fatt telah menjadi Juru Bahasa. Beberapa orang saksi2 termasuk A.S.P. Pengiran Jaya telah memberi keterangan bagi pehak penda'wa tetapi Untak tidaklah ada seorang saksi pun.

PEMBICHARA'AN DIMAHKAMAH KATHI BESAR

IBRAHIM BIN HAJI ASPAR DIHUKOM PENJARA 2 TAHUN KERANA

MELAKUKAN SUMBANG KEATAS ANAK SAUDARA-NYA

Ibrahim bin Haji Aspar, berumur 30 tahun, tinggal diKampung Kulapis, Damuan, Jalan Tutong telah dihukom penjara selama 2 tahun dalam pembicharaan yang telah dilangsungkan diMahkamah Kathi Besar Brunei pada hari Thalatha 30 July, 1957 atas tuduhan melakukan sumbang keatas anak saudara-nya sendiri bernama Sadah binte Hassan yang berumur 22 tahun.

Kathi Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammed Salleh yang membicharkan tuduhan tersebut, telah juga mendapati bahawa perempuan itu pun salah dan ia dihukomkan penjara selama 4 bulan.

HADIAH2 PELAJARAN B.S.P..CO. LTD KAPADA MURID2 SEKOLAH

Sharikat Minyak Brunei Shell Petroleum Company Limited telah mengeluarkan beberapa banyak hadiah kapada murid2 sekolah2 Kerajaan yang baik dalam hal ehwal pelajaran-nya pada sepanjang tahun 1957.

Hadiah2 itu disampaikan oleh Yang Mulia Che' Abdul Samad bin Johari Hamid, bagi pehak Sharikat Minyak tersebut pada masa diadakan Peraduan2 Senaman dan Permainan di tiap-tiap buah Jajahan pada bulan July dan August, 1957. seperti berikut:

Pada 28 July diPadang Bangar, Temburong; 1 August diPadang Bukit Bendera, Tutong; 3 August diPadang Besar Kuala Belait; dan pada 4 August diPadang Pekan Brunei.

Murid2 yang berjaya memperolehi hadiah2 tersebut ialah:

Jajahan Temburong: Sekolah Bangar - Ahad bin Haji Bangok dan Saedah binte Mohamed Sa'id. Sekolah Puni - Kamis bin Tapa dan Suboh

binte Kalong ...

binte Kalong. Sekolah Bokok - Mohamed Yusuf bin Serudin dan Saendah binte Apong. Sekolah S.H. Batu Apoi - Atek bin Md. Yasin dan Taibah binte Md. Noor. Sekolah Biang - Abu Bakar bin Othman dan Dayangku Halimah binte Abdul Ghani. Sekolah Baru-Daru - Md. Yasin bin Md. Daud dan Raayah binte Md. Yusuf.

Jajahan Tutong: Sekolah Melayu Muda Hashim - Amul bin Dua dan Maisalamah binte Md. Yassin. Sekolah Penanjong - Md. Ali bin Tarif dan Rabiah binte Osman. Sekolah Keriam - Abidin bin Kura dan Sainah binte Libut. Sekolah Sinaut - Abdul Wahid bin Tungkat dan Dayangku Maimunah binte Pengiran Salim. Sekolah Orang Kaya Ali Wanika Setia Di-Raja, Kupang - Othman bin Panjang dan Zeinah binte Abdul Wahab. Sekolah Birau - Md. Sa'ad bin Taib dan Serasa binte Md. Ali. Sekolah iudang - Amang bin Hashim dan Norsiah binte Osman. Sekolah Lamunin - Buntar bin Md. Yusuf dan Terang Bulan binte Ampil. Sekolah Tanjong Maya - Johari bin Kamis dan Siti Alam binte Md. Noor. Sekolah Layaong - Abdul Razak bin Md. Yusuf dan Tempok binte Untong. Sekolah Ukong - Yueh bin Kambing dan Tong Keo Tong Lemon. Sekolah Rambai - Pakai bin Litah dan Teo Seo Ten.

Jajahan Belait: Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin - Ismail bin Upak dan Normah binte Ali Hasan. Sekolah Muhammad Alam, Seria-Ibrahim bin Abdul Rahman dan Marinah binte Sulaiman. Sekolah Sungei Liang - Joming bin Ledua dan Mimpon binte Banchanan. Sekolah Telisai - Mahari binte Pengiran Ismail dan Nayah binte A. Bakar. Sekolah Kuala Balai - Umbu bin Ahmad dan Kim Lan binte Enchi. Sekolah Labi - Shahri bin Abdul Razak dan Maimunah binte Elias. Sekolah Rampayoh - Latai anak Bawin dan Md. Zaidi bin Damit. Sekolah Bukit Sawat - Suasa bin Umar dan Surah binte Jali. Government English School Seria - Jamudin bin Sa'ad dan Rokiah binte Zakiah.

Jajahan Brunei: Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam Bahagian Senior - Abdullah bin Kalong dan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam Bahagian Junior - Abdul Hamid bin Husain. Sekolah Melayu Laila Menchanai - Md. Noor bin Md. Daud. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam Bahagian Perempuan - Zauyah binte Muhammad. Sekolah Masin - Md. Tahir bin Jalal dan Simin bin Haji Kamis. Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut - Abdul Kahar bin Md. Salleh dan Khadijah binte Abdul Rahman. Sekolah Sengkurong - Burut bin Tahamit dan Sainah binte Ahmad. Sekolah Dato' Gandi - Hidup binte Husain dan Siti Hawa binte Asfar. Sekolah Batu Marang - Abdul Latif bin Md. Yasin dan Dayangku Damit binte Pengiran Ahmad. Sekolah Lumapas - Bakar bin Apong dan Bunga bin Haji Sabtu. Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas - Mirasan bin Husain dan H. Hashimah binte Dato' Seri Paduka Tuan Haji Mangol.

Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara - Saipun bin Laman dan Dayangku Fatimah binte Pengiran Haji Mohamed Yasin. Sekolah Berakas - Awangku Damit bin Pengiran Kamis dan Dayang Halus binte Ahmad. Sekolah Sungei Hanching - Awangku Salim bin Pengiran Wahid dan Dayangku Aishah binte Pengiran Ahmad. Sekolah Jerudong - Tahamit bin Kula dan Noriah binte Ibrahim. Sekolah Kasat - Masri bin Budin dan Tiajar binte Kamis. Sekolah Pengkalan Batu - Baba bin Haji Kamis dan Kulam binte Asmat. Sekolah Gadong - Sabtu bin Ahim dan Dayangku Damit binte Pengiran Tajuddin. Sultan Omar Ali Saifuddin College - Jusnani binte Lawei dan Awangku Sani bin Pengiran Ahmad.

LAWATAN KAPAL PERANG KA BRUNEI

Kapal Perang H.M.S. Alert, dibawah pimpinan Admiral Sir Alan Scott-Moncrieff, K.C.B., C.B.E., D.S.O., Panglima Agong Tentera Laut Di-Raja British di Perhentian Timor Jauh akan melawat ka Brunei pada hari Khamis 15 August, 1957.
